

# Henti pembangunan sekolah berasaskan kaum — MBM

UM 4 NOV 2002

KUALA LUMPUR 3 Nov. — Majlis Belia Malaysia (MBM) menggesa kerajaan supaya menghentikan pembangunan sekolah secara berasingan atau berasaskan kaum.

Sebaliknya, semua sekolah yang akan didirikan pada masa hadapan, perlu dibangunkan dalam satu kawasan yang sama seperti Sekolah Wawasan.

Setiausaha Agung MBM, Norizan Sharif berkata, keadaan itu dijangka mampu mengatasi masalah jurang di antara kaum khususnya di kalangan generasi muda.

“MBM bimbang jika soal hubungan kaum tidak dipupuk sejak di bangku sekolah, sebarang usaha kerajaan untuk merapatkan hubungan mereka selepas sekolah tidak akan berjaya dan menjadi sia-sia sahaja,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

## Kelonggaran

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengenai masalah kelonggaran dalam perhubungan kaum ter-

utamanya di kalangan pemuda.

Menurut Perdana Menteri, keadaan itu jika dibiarkan boleh menimbulkan elemen yang tidak sihat kepada masa depan negara.

Mengulas lanjut, Norizan berkata, MBM akan menyokong sebarang langkah yang bakal diambil oleh kerajaan bagi mengatasi masalah itu demi kesejahteraan negara.

Beliau berkata, kerajaan tidak perlu tunduk kepada tekanan daripada mana-mana pihak dalam melaksanakan program

yang boleh membawa kepada perpaduan di antara kaum seperti Sekolah Wawasan.

Katanya, MBM turut mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya tidak mengambil kesempatan atas sikap tolak ansur kerajaan bagi menentang pelaksanaan program yang boleh mengukuhkan perpaduan di antara kaum.

“MBM juga mahu kerajaan menasarkankan menjelang 2010, semua pelajar sekolah rendah dan menengah bersekolah di Sekolah Wawasan,” katanya.